

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Saya telah menatap beberapa surat-surat khabar Melayu mengandungi berbagai-bagai sungutan-sungutan dan buah-buah fikiran yang berlawanan dari Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu ini berkenaan dengan pelajaran-pelajaran di sekolah-sekolah Melayu sama ada yang di Singapura dan di Semenanjung ini. Penulis-penulisnya itu terbahagi kepada dua puak terutama sekali orang-orang Melayu kita sendiri.

Sepuak mengatakan – ada yang berkata harus dan yang berkata patut semua sekolah-sekolah Melayu seluruh semenanjung Tanah Melayu ini termasuklah Singapura – ditutup kerana tiada apa gunanya atau faedahnya di sisi anak-anak Melayu kerana walau sebagaimana tinggi mutu pelajaran yang ada hari ini yang didapati oleh murid-murid sekolah-sekolah Melayu itu tiada juga mereka itu berkelayakan memegang jawatan-jawatan tinggi di pejabat-pejabat kerajaan, melainkan daripada menjadi kerani-kerani darjah rendah, atau piun, atau penghantar-penghantar surat pos.

Sepuak yang lain pula menuduh puak yang pertama tadi itu khianat bertujuan hendak menjatuhkan bahasa dan bangsa sendiri. Puak yang kedua ini menyeru sekalian umat Melayu supaya bersatu padu kerana memelihara dan mengawali dengan sekuat-kuat kawalan bahasa Melayu dengan menurut pati kata Melayu: “bahasa menunjukkan bangsa, jika hilang bahasa hilanglah bangsa!” Jika jatuh bahasa Melayu, bererti ia kejaTuhan bangsa Melayu maka kejaTuhan bangsa kita Melayu berertilah ia penambah kekuatan dan keberanian bangsa-bangsa dagang di Singapura dan serata Semenanjung Tanah Melayu ini disebabkan perceraian berai kita umat-umat Melayu sendiri.

Suatu tauladan yang tiada boleh dilupakan, iaitu jika tidak umat Melayu dahulu bersatu padu yang kukuh tentulah tiada dapat kubu kerajaan “Malayan Union”

itu diruntuh dan dipecahkan oleh umat Melayu raya dan dari semenjak 1 haribulan Februari tahun 1948 M terdirilah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sehingga hari ini, dan dengan akuan kerajaan British bahawa bahasa Melayu ditetapkan menjadi bahasa rasmi bersaing dengan bahasa Inggeris.

Bangsa-bangsa dagang atau mereka yang berketurunan dari darah dagang sememang-memang termeterai dalam dada masing-masing percitaan hendak menantikan kelemahan umat-umat Melayu supaya mudah mereka itu berdiri di atas ubun-ubun umat-umat Melayu dan pada masa itulah kelak persatuan kaum-kaum dagang itu bermaharajalela - inilah idaman mereka itu -. Pada zahirnya sangat terang bahawa mereka itu bekerjasama dengan umat-umat Melayu hendak mendirikan tiang kemerdekaan Tanah Melayu yang masih ada dipegang oleh raja-raja Melayu dan pegawai-pegawai Melayu yang berkuasa, dan hendaklah kita umat Melayu ingat bahawa menurut undang-undang demokrasi yang sebenar ialah menurut kehendak dan persetujuan orang ramai yang “menjadi rakyat” sebuah negeri itu! Sebesar-besar gajah seorang manusia (gembalanya) yang duduk di atas kepala, atau tengkuknya itulah yang memerintahnya! Jika berlaku hal semacam ini di Malaya, nyatalah sia-sia sahaja umat-umat Melayu telah meruntuhkan “Malayan Union” itu, kerana pada pemerhatian dan pendapatan saya yang tiada berpengetahuan siyasa, bahawasanya tiada berlainan corak Persekutuan Tanah Melayu daripada corak kain “Malayan Union” yang telah dikoyak dan dibakar itu kerana corak kain tentulah tentulah menurut kepandaian dan kehendak penontonnya!

Berkenaan dengan kekurangan atau kerendahan mutu pelajaran di sekolah-sekolah Melayu itu mengapakan murid-murid Melayu di Universiti Malaya dan penyerta-penyerta, mereka itu lebih suka sekolah-sekolah Melayu itu ditutup, daripada beramai-ramai semuafakat meminta kerajaan membaiki aturan-aturan pelajaran di sekolah-sekolah Melayu itu atau ditinggikan lagi pelajaran-pelajarannya? Jika tidak dapat hendak melebihi daripada yang ada di Universiti

Malaya itu sekalipun, biarlah sekurang-kurangnya di dalam sesuatu ilmu yang dihaskan, dapat bersaing-saingan dengan universiti itu bagi sementara memadamkan.

Seperkara lagi yang menunjukkan langkah-langkah kemajuan yang baik di sisi orang-orang Melayu sekarang (iaitu yang selain daripada meniru-niru dan menurut-nurut langkah kaum-kaum barat yang merosakkan adab tertib kehormatan kebangsaan Melayu dan lebih-lebih lagi melawan syarak agama kita Islam) ialah kemajuan menerbitkan surat-surat khabar, majalah-majalah dan buku-buku cerita yang bermacam-macam rupa dan gaya, iaitu rekaan-rekaan dan karangan-karangan kaum muda Melayu, maka semuanya itu bertulis huruf Melayu (atau Arab). Kemajuan ini amat deras seperti arus air pasang. Kemajuan ini bertambah lebat dan deras dari semenjak tamat peperangan besar yang kedua kali itu. Akan tetapi tiada boleh disyakkan bahawa menurut adat tabi'i jika berebut-rebutan dan bergopoh-gopohan sangat adalah kelak sesuatu benda atau perkara yang terlupa, tercacir, terlanggar, terjatuh atau seumpamanya.

Baharu-baharu ini saya terbaca rencana seorang penulis tersiar di dalam sebuah surat khabar Melayu. Penulisnya itu telah memakai sedikit bidal Melayu dengan katanya:- "siapa yang mengorek atau menggali lubang dialah dahulu terjerumus." Di sini tuan penulis itu khilaf – agaknya bergopoh sangat di dalam perlumbaan dan peraduan karang-mengarang – maka oleh itu dengan tulus ikhlas saya terangkan apa yang betulnya iaitu : "siapa yang menggali kubur dialah masuk dahulu" (iaitu terdahulu sebelum mayat yang kerananya kubur itu disediakan.) Keterangan khilaf tuan penulis itu begini sahaja. Setiap hari ada orang-orang menggali kubur – menggali telaga – menggali parit penjalan air – menggali lubang-lubang di bumi kerana membuat *buckle*, tapak binaan tiang-tiang atau tembok-tembok batu atau menggali sebarang lubang pun, adakah orang-orang

itu terjerumus? Ada juga orang-orang pernah jatuh di mana-mana pun, tetapi tiap-tiap jatuh, atau masuk tidak diertikan dan tidak dikatakan "terjerumus". Ada pun "terjerumus" itu ialah jatuh tersembam dengan muka dahulu tiba ke bumi. Ada kalanya orang jatuh tersungkur iaitu ke hadapan, lutut dahulu ke bumi, ada kalanya jatuh terlentang iaitu terbaring, belakang di bumi, muka dan dada terhadap ke langit, ada kalanya jatuh tersungkur-sungkur banyak kali jatuh yang lain-lain dan bila-bila disebut sahaja nama gaya itu mengertilah orang yang mendengarnya. Maka di sini lemahlah saya hendak memberi keterangan-keterangan satu persatu.

Selain daripada yang telah saya sebutkan di atas ini, suka saya mengingatkan, tuan-tuan bangsa kita Melayu yang mensiarkan tarian qalamnya di surat-surat khabar atau lain-lainnya bahawa bergopoh itu acapkali melambatkan – ini tercicir, itu tertinggal, dakwat dibawa, qalam tertinggal. Silalah ingat adapun sepatah perkataan Melayu "duduk" sahaja ada banyak tempat menyebutnya yang tertentu supaya menepati pengertiannya misalnya: di mana kamu diam, boleh dikatakan di mana kamu "duduk" iaitu tatkala bertanya di mana seseorang itu tinggal. Dan "duduk" itu ada bermacam-macam gaya dan tempatnya. Duduk di rumah, di kampung, di bandar, di negeri. Duduk bersila, duduk bersila punggung, duduk mencangkung, duduk bertempo, duduk bertempo rapat, duduk bertinggung dan beberapa gaya duduk yang lain-lain lagi.

Begitu jugalah rupa dan gaya perkataan "angkat", pikul, junjung, dukung, kilik, bijit, tatang, tating, jinjing, dan lain-lain lagi.

Ada banyak perkataan-perkataan Melayu yang tunggal (satu-satu) seumpama yang saya sebutkan diatas tadi, dan jika tidak tentu memakainya nescaya menyebabkanlah ia perselisihan faham yang tidak disukai. Ingat!!!. Demikianlah sahaja bagi sementara adanya.